

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 - 6/1/1 (4)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN  
SUBANG JAYA BIL. 04 TAHUN 2013**

**Tarikh : 24 April 2013 (Rabu)**  
**Masa : 10.00 pagi hingga 11.00 pagi**  
**Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,  
Aras 2,  
Majlis Perbandaran Subang Jaya**

**HADIR**

- |     |   |   |                         |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1.  | YBhg. Dato' Asmawi bin Kasbi<br>Yang Dipertua MPSJ        | - | Pengerusi               |
| 2.  | Tuan Haji Abdullah bin Marjunid<br>Setiausaha Perbandaran | - | Setiausaha<br>Mesyuarat |
| 3.  | Encik Arumugam a/l Kalimuthu                              | - | Ahli Majlis             |
| 4.  | Encik Stephen Chin Sou Bong                               | - | "                       |
| 5.  | Encik Mohd Nasir bin Yusof                                | - | "                       |
| 6.  | Puan Norhesni binti Ismail                                | - | "                       |
| 7.  | Encik Sapiyan bin Mohd. Din                               | - | "                       |
| 8.  | Encik Tai Cheng Heng                                      | - | "                       |
| 9.  | Dr. Loi Kheng Min   | - | "                       |
| 10. | Encik Sufari bin Tinnin                                   | - | "                       |
| 11. | Encik Chong Hoon Ming                                     | - | "                       |

- |     |                             |   |   |
|-----|-----------------------------|---|---|
| 12. | Puan Azizan binti Jamaludin | - | " |
| 13. | Encik Jaber bin Ami         | - | " |
| 14. | Encik Muzammil bin Hafiz    | - | " |
| 15. | Encik Chia Yew Ken          | - | " |
| 16. | Puan Sazana binti Isa       | - | " |
| 17. | Encik Chang Kim Loong, AMN  | - | " |
| 18. | Encik Cheah Sang Soon       | - | " |
| 19. | Encik Michael Noel Jalleh   | - | " |

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

- |    |   |   |             |
|----|---|---|-------------|
| 1. | Encik Pooi Weng Keong                     | - | Ahli Majlis |
| 2. | Encik Keshminder Singh a/l K. Karam Singh | - | "           |
| 3. | Encik Micheal Tamilarason a/l K. Nadaysen | - | "           |
| 4. | Encik Loka Ng Sai Kai                     | - | "           |

**TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)**

1. Encik Mohd. Zulkurnain bin Che Ali  
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Hamizun binti Mohd. Basar  
Pengarah, Jabatan Perancangan Korporat
3. Ir. Ismail bin Shafie  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
4. Encik Mohd Fadzil bin Mahat  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
5. Encik Ismail bin Muhamad  
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
6. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
7. Puan Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman  
Pengarah, Jabatan Hasil
8. Puan Anita binti Abd. Jalil  
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
9. Encik Norjafni bin Zainuddin  
Pengarah, Jabatan OSC
10. Encik Ismail bin Salim  
Pengarah, Jabatan Pelesenan
11. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin  
Pengarah, Jabatan Kesihatan
12. Puan Azura binti Mohd Don  
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
13. Encik Zahiruddin bin Hashim  
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat

14. Encik Nor Azmi bin Mohd. Rosli  
Pengarah, Jabatan Bangunan
15. Mejar (B) Mohd Rasip bin Rasul  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
16. Puan Noraziah binti Ali  
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Audit Dalam
17. Encik Nazarudin bin Mashtuki  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
18. Encik Noorhafez bin Nordin  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan COB
19. Puan Aida binti Omar  
Timbalan Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
20. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid  
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancangan Korporat
21. Puan Azlina binti Mat Salim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
22. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
23. Cik Hasnor Salwa binti Harun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
24. Tuan Haji Mohd Haizi bin Harun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
25. Encik Mohd Razif bin Abdul Rahman  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
26. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
27. Puan Nor Shahela binti Amzah  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perbendaharaan

28. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
29. Encik Mohd Reyzal bin Mazlan  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
30. Encik Mohd Hafiz bin Sharif  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
31. Puan Aziana binti Mohamad Aripin  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
32. Encik Muhammad Hafidz bin Hassan  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
33. Puan Sadzliawaty binti Mohamad Dom  
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
34. Puan Rahimah binti Aisa @ Hassan  
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
35. Encik Khairul Nazim bin Arbain  
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
36. Encik Noremi bin Mohamad Darwi  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
37. Cik Nadia binti Abu Baharin  
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
38. Encik Mohd Safiee bin Junun  
Penolong Pengarah, Jabatan Bangunan
39. Encik Rostam bin Salleh  
Penolong Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
40. Encik Mohd Aisamuddin bin Razali  
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
41. Puan Azizah binti Idris  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan

42. Puan Nur Maini binti Ariffin  
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
43. Puan Azian binti Ropie  
Penolong Pengarah, Jabatan Hasil
44. Puan Marhaini binti Mohd Sukaime  
Penolong Pengarah, Jabatan Hasil
45. Encik Ramzi bin Mohamed Lazim  
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
46. Cik Nadia binti Muhamad Amin  
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
47. Encik Alias bin Miskon  
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
48. Encik Mohd Fadil bin Alos  
Penolong Pengarah, Bahagian Audit Dalam
49. Encik Nordin bin Harun  
Penolong Pengarah, Jabatan Kesihatan
50. Puan Mimi Zareena binti Md Nor  
Penolong Pengarah, Jabatan OSC
51. Mohd Syazwan bin Kamaruddin  
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
52. Diana binti Mohamed Daim  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
53. Samsudin bin Ayob  
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat

**URUSETIA**

1. Encik Isham bin Abu Kassim  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Habibah binti Ab.Manap  
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan

## **1.0 DOA**

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Ustaz Mohd Nasir Bin Yusof, Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

## **2.0 UCAPAN Pengerusi**

YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat pada kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 04/2013 dan seterusnya memaklumkan beberapa perkara:

### **2.1 Pilihan Raya Umum Ke 13**

Pihak Pengurusan Majlis Perbandaran Subang Jaya merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada para petugas Pilihan Raya Umum Ke 13 bagi kawasan P.103 Puchong.

Sukacita dimaklumkan bahawa proses Penamaan Calon yang telah diadakan di Dewan Puchong Indah, Puchong pada 20 April 2013 (Sabtu) telah berjalan dengan lancar.

Sehubungan dengan itu, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan syabas kepada semua Pegawai dan Warga Kerja MPSJ kerana telah memberikan komitmen yang tinggi dalam membantu membuat persiapan dan persediaan MPSJ untuk menghadapi Pilihan Raya Umum Ke 13 yang akan diadakan pada 05 Mei 2013 (Ahad).

## **2.2 Perletakan Jawatan Sebagai Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Subang Jaya**

Adalah dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya telah menerima surat perletakan jawatan sebagai Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Subang Jaya daripada 2 (dua) orang Ahli Majlis MPSJ iaitu;

- i. Encik Rajiv a/l Rishyakaran
- ii. Encik Ng Sze Han

Perletakan jawatan kedua-dua Ahli Majlis ini berkuatkuasa pada 19 April 2013 (Jumaat) bagi membolehkan mereka bertanding sebagai Calon Pilihan Raya Umum Ke 13 yang akan diadakan pada 05 Mei 2013 nanti.

Pihak Majlis merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Encik Rajiv a/l Rishyakaran dan Encik Ng Sze Han di atas sumbangan dan perkhidmatan mereka sepanjang bertugas sebagai Ahli Majlis di Majlis Perbandaran Subang Jaya.

Pihak Majlis juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan selamat berjaya kepada kedua-dua mantan Ahli Majlis ini dalam Pilihan Raya Umum Ke 13 nanti.

## **2.3 Penangguhan Program Kayuhan Hidup Sihat MPSJ 2013**

Program Kayuhan Hidup Sihat MPSJ 2013 yang dijadualkan diadakan pada 28 April 2013 (hari Ahad minggu terakhir setiap bulan) akan ditangguhkan ke tarikh 11 Mei 2013 (Sabtu).

Lokasi Kayuhan Hidup Sihat pada kali ini adalah di kawasan Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Taman Tasik Seri Serdang yang melibatkan laluan sejauh 30 km.

## **2.4 Kejohanan Futsal MAKSAK Malaysia**

Pasukan Futsal Lelaki dan Wanita Majlis Perbandaran Subang Jaya telah terpilih untuk mewakili MAKSAK Negeri Selangor dalam Kejohanan Futsal MAKSAK Malaysia yang telah diadakan pada 18 - 20 April 2013 bertempat di Stadium Melawati, Shah Alam.

Dalam kejohanan tersebut pasukan Majlis telah memperolehi keputusan seperti berikut:

- A. Pasukan Futsal Wanita
  - i. Johan Keseluruhan
  - ii. Pemain Terbaik Kejohanan
  - iii. Penjaga Gol Terbaik
  - iv. Penjaring Gol Terbanyak
  
- B. Pasukan Futsal Lelaki
  - i. Naib Johan Keseluruhan
  - ii. Piala Fairplay

Pihak Pengurusan MPSJ mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah di atas pencapaian ini.

## **2.5 Status Terkini Kejadian Tanah Runtuh Di Pangsapuri Seri Beringin, Pusat Bandar Puchong**

Susulan daripada kejadian tanah runtuh yang berlaku di Blok B, Pangsapuri Seri Beringin, Pusat Bandar Puchong, pihak Majlis telah melantik pihak Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM) untuk menjalankan penilaian tahap keselamatan di tapak dan pihak IKRAM telah mencadangkan langkah-langkah kerja jangka pendek dan jangka panjang seperti berikut:

- i. Meletakkan paip pembentung di dalam longkang pada bahagian kaki cerun bagi mengelak masalah longkang tersumbat dan batuan besar digunakan di bahagian 'outlet' untuk mengurangkan hakisan.
- ii. Tanah lembut dikeluarkan dan satu lapisan 'geotextile' sebagai pemisah dan menambak semula dengan batu kelikir.
- iii. Mengalihkan dan mensalurkan air kumbahan dan hujan 'rain water down pipe' (RWDP) supaya tidak membasahi cerun. Paip bekalan air diperbaiki dan dipasang di atas tanah.

Setelah ketiga-tiga cadangan di atas dilaksanakan dan disemak oleh pihak IKRAM, Indah Water Konsortium (IWK) dan Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS), semua penghuni telah dibenarkan pulang ke kediaman masing-masing pada 14 April 2013 bagi penghuni rumah PKNS, dan 15 April 2013 bagi penghuni Blok B, Pangsapuri Seri Beringin.

Walau bagaimanapun, MPSJ dan pihak IKRAM masih lagi menjalankan pemantauan di tapak bagi memastikan tiada lagi kebocoran berlaku yang boleh menjejaskan kestabilan cerun. Selain itu juga, pemantauan yang dijalankan turut merangkumi keadaan struktur bangunan Blok B Pangsapuri Seri Beringin dan pemantauan secara instrumentasi setakat ini menunjukkan struktur bangunan tersebut masih kuat dan utuh.

Pihak IKRAM turut mencadangkan penyelesaian jangka panjang dengan menyarankan kaedah 'micropile' secara 'reka dan bina' memandangkan kerja-kerja pembaikan melibatkan pengkhususan di dalam bidang kejuruteraan geoteknik.

## **2.6 Projek Kawalan Banjir Di Taman Seri Serdang, Seri Kembangan**

Bagi menangani isu banjir kilat yang menghantui penduduk sekitar di Seri Serdang, pihak Majlis akan menjalankan Projek Kawalan Banjir di Taman Seri Serdang, Seri Kembangan.

Melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bil. 3/2013, pihak Majlis telah mendapat kelulusan peruntukan kewangan sebanyak RM 8, 740,000.00 secara pinjaman dengan kadar faedah 4%.

Terdapat 3 agensi yang terlibat iaitu MPSJ, Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) yang merangkumi sejumlah 8 projek dan MPSJ merupakan penyelaras bagi semua agensi yang terlibat. Pecahan agihan peruntukan adalah seperti berikut:

MPSJ	-	RM 340,000.00 (3 projek)
MPKj	-	RM 700,000.00 (1 projek)
JPS	-	RM 7, 700,000.00 (4 projek)

## **2.7 Pemaju Serdang Baru Properties Sdn. Bhd. dihadapkan ke Mahkamah**

Kegagalan sebuah syarikat pemaju untuk mendapatkan kelulusan kebenaran merancang daripada Majlis Perbandaran Subang Jaya sebelum melakukan pemajuan tanah di Lot 3516, Taman Bukit Serdang, Seri Kembangan, Mukim Petaling, menyebabkan syarikat tersebut menghadapi tindakan Mahkamah di mana kes tersebut akan disebut di Mahkamah Majistret Subang Jaya pada 25 April 2013.

Hasil aduan orang awam, Majlis telah melakukan siasatan segera dan mendapati pemajuan tanpa kelulusan kebenaran merancang itu langsung tidak memenuhi syarat-syarat asas pemajuan kerja tanah dan mengakibatkan limpahan banjir lumpur selepas hujan kepada premis perniagaan di bawah bukit di mana kerja pemajuan tanpa izin tersebut dilaksanakan.

Atas dasar kepentingan orang awam, Majlis telah mengarahkan pemaju tersebut untuk memberhentikan pemajuan dan memulihkan semula tanah kepada keadaan asal dalam tempoh 30 hari bermula daripada 2 April 2013 sehingga 1 Mei 2013 dengan mengeluarkan notis di bawah Seksyen 27, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan kegagalan mematuhi notis akan membolehkan pemaju di hadapkan sekali lagi ke Mahkamah.

Seterusnya, sekiranya pemaju disabitkan kesalahan di bawah peruntukan Seksyen 26(b) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), pemaju tersebut boleh dikenakan denda maksimum sebanyak RM 500,000.00 (lima ratus ribu ringgit) oleh Mahkamah.

Sehubungan dengan itu Majlis ingin mengingatkan mana-mana pihak yang ingin membuat sebarang pemajuan di dalam kawasan Majlis hendaklah membuat permohonan dan mendapatkan kelulusan terlebih dahulu dari pihak Majlis bagi mengelakkan sebarang masalah pada diri mereka sendiri.

## **2.8 Laporan Demam Denggi**

Bilangan kes denggi dilaporkan tahun ini sehingga Minggu Epid 16 (iaitu sehingga 20 April 2013) adalah sebanyak 301 kes dilaporkan dan sebanyak 153 kes disahkan positif. Buat masa ini tiada kawasan '*hotspots*' denggi di kawasan pentadbiran MPSJ. Kerjasama masyarakat dengan melaksanakan kempen 10 minit dan gotong royong adalah amat diperlukan untuk memastikan kes denggi dapat dikurangkan.

**3.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 03/2013 BERTARIKH 26 MAC 2013.**

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 03/2013 bertarikh 26 Mac 2013 telah disahkan tanpa pindaan.

**4.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA****4.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 07/2013 Bertarikh 02 April 2013**  
-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)**

**4.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 08/2013 Bertarikh 16 April 2013**  
-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)**

**4.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Korporat Bil. 04/2013 Bertarikh 03 April 2013**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Bahagian Audit Dalam**

**4.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 04/2013 Bertarikh 08 April 2013**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Jabatan Kejuruteraan**

**4.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 04/2013 Bertarikh 08 April 2013**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat**

**4.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 04/2013 Bertarikh 11 April 2013**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Jabatan Perbendaharaan**

**4.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan Bil. 04/2013 Bertarikh 12 April 2013**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Jabatan Pelesenan**

**4.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 04/2013 Bertarikh 15 April 2013**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekitar**

**4.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan Dan Teknologi Maklumat Bil. 03/2013 Bertarikh 16 April 2013**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan**

**5.0 UCAPAN PENANGGUHAN**

- 5.1** Pengerusi Majlis mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis di atas kerjasama sepanjang mesyuarat dijalankan dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.

**‘MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI’**

**Disediakan oleh;**

.....  
**(ABDULLAH BIN MARJUNID, A.I.S., A.M.S.)**  
Setiausaha Perbandaran  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

**Disahkan oleh;**

.....  
**(DATO’ ASMAWI BIN KASBI, D.S.I.S., S.M.S.)**  
Pengerusi Mesyuarat  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

Tarikh :